

KOSMO 11/7/06 CMS12)

Perit tiga hari jadi jurujual

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS
berita@kosmo.com.my

PERTAMA kali bekerja selepas menamatkan pengajian di Universiti Teknologi Mara (UTM), Shah Alam, Nor Idzura Suwarni, (gambar) 23, terpaksa menelan herdikan mahupun kata-kata kesat daripada orang ramai hampir setiap hari.

Dia yang lebih senang dikenali sebagai Idzu menganggap pengalaman bekerja sebagai jurujual walaupun hanya selama tiga hari mengajarnya erti kehidupan sebenar.

"Pekerjaan itu membuka mata saya tentang jerih-perih kehidupan yang penuh dengan tanggungjawab.

"Sebelum ini, sebagai seorang pelajar saya tidak perlu fikir tentang wang kerana ada pinjaman PTPTN sebaliknya kini saya perlu berusaha untuk mencari sumber kewangan bagi menampung kehidupan," katanya.

Idzu yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perhubungan Awam itu juga pernah dimarahi dan dicaci pelanggan di khalayak ramai.

"Memang geram kerana setelah penat berjalan ke sana ke sini sepanjang hari, saya dimarah dan dicaci tapi apa boleh buat melainkan tebakkan muka dan terus pergi," ujarnya sedih.

Hari demi hari, gadis yang berasal dari Segamat, Johor ini tidak dapat lagi bertahan dengan keadaan kerja yang memerlukan ketahanan fizikal dan mental yang kuat.

Akhirnya, Idzu mengambil keputusan untuk berhenti dan cuba mencari pekerjaan lain yang lebih sesuai dengannya.

Selang beberapa hari kemudian, Idzu dikejutkan dengan berita gembira apabila mendapat panggilan telefon daripada sebuah syarikat swasta di Shah Alam mengatakan dia diterima bekerja untuk satu jawatan di

bahagian pengurusan.

Tiada lagi masalah timbul setelah Idzu merasa serasi dengan kerjaya tersebut.

Persekitaran tempat kerja baru, menjadikan Idzu semakin bersemangat untuk mencurahkan seluruh tenaga dan pengetahuannya kepada syarikat berkenaan.

Tiada perkataan putus asa dalam kamus hidup gadis ini sebaliknya dia akan terus berusaha untuk mencari kehidupan yang lebih baik.

"Ramai graduan menganggur berpunca daripada sikap mereka sendiri yang kurang berusaha.

"Kerja ada di mana-mana, apa yang penting adalah keinginan dan usaha yang tinggi untuk mencari pekerjaan yang benar-benar sesuai dengan kelulusan kita bukan dengan hanya goyang kaki di rumah," katanya.

